



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 73  
No. 13

**18hb Jun 2020**

*TAMBAHAN NO. I  
PERUNDANGAN*

---

**Tr. P.U. 1.**

## **UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

## **PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI TERENGGANU 2020**

---

### **SUSUNAN PERATURAN**

---

#### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

#### *Peraturan*

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### **BAHAGIAN II**

#### **LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI TERENGGANU**

3. Penubuhan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu
4. Bidang kuasa dan fungsi Lembaga

*Peraturan*

5. Mesyuarat Lembaga
6. Kuorum bagi mesyuarat Lembaga
7. Pengundian
8. Rekod mesyuarat
9. Prinsip dan tatacara Lembaga
10. Penggantian anggota Lembaga
11. Lembaga tambahan
12. Penapisan senarai calon
13. Penubuhan panel temu duga
14. Calon simpanan
15. Kuasa Lembaga berhubung dengan pemangkuhan
16. Kuasa Lembaga berhubung dengan kenaikan pangkat
17. Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat
18. Keputusan Lembaga
19. Penarikan balik kenaikan pangkat

**BAHAGIAN III****LEMBAGA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM  
NEGERI TERENGGANU**

20. Penubuhan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu
21. Bidang kuasa dan fungsi Lembaga Rayuan
22. Kuorum bagi mesyuarat Lembaga Rayuan
23. Rayuan
24. Tatacara bagi rayuan
25. Pendengaran rayuan
26. Keputusan Lembaga Rayuan
27. Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan
28. Mesyuarat, pengundian dan minit berkenaan dengan Lembaga Rayuan

**BAHAGIAN IV****PELBAGAI**

29. Pembatalan
30. Kecualian dan peralihan

**JADUAL**

---

**UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU  
(BAB YANG PERTAMA)**

**PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT  
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI TERENGGANU 2020**

**PADA** menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal 56 Syarat (9A) (iii) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) Raja dalam Mesyuarat dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu 2020**.  
(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2020.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteknya menghendaki makna yang lain –

“jawatan” ertinya jawatan tetap dalam perkhidmatan awam Negeri Terengganu, yang tidak termasuk –

- (a) jawatan Setiausaha Kerajaan Terengganu; dan
- (b) jawatan Pegawai Kewangan Negeri;

“kenaikan pangkat” ertinya peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama bagi pegawai yang berkenaan dengan kelulusan Lembaga;

“Ketua Jabatan” ertinya mana-mana pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan mengikut mana yang berkenaan atau mana-mana pegawai yang ditetapkan sedemikian itu oleh Setiausaha Kerajaan, Terengganu dari masa ke semasa;

“Ketua Perkhidmatan” ertinya Setiausaha Kerajaan Terengganu;

“Kumpulan Pengurusan Tertinggi” ertinya seseorang pegawai dalam Jawatan Utama atau Gred Khas;

“Kumpulan Pengurusan dan Profesional” ertinya seseorang pegawai dalam Gred 41 hingga Gred 54 atau yang setaraf dengannya;

“Kumpulan Sokongan” ertinya seseorang pegawai dalam Gred 11 hingga Gred 40 atau setaraf dengannya;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu yang ditubuhkan di bawah peraturan 3 dan hendaklah termasuk Lembaga Kenaikan Pangkat tambahan yang ditubuhkan di bawah peraturan 11;

“Lembaga Rayuan” ertinya Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu yang ditubuhkan di bawah peraturan 20;

“pegawai” ertinya anggota perkhidmatan awam Negeri Terengganu;

“pemangku” berhubung dengan pegawai awam ertinya pelaksanaan tugas oleh seseorang pegawai secara sepenuh masa, suatu jawatan lain yang lebih tinggi grednya daripada gred hakiki pegawai itu dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga.

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI TERENGGANU

#### **Penubuhan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu**

3. (1) Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu, berkenaan dengan setiap kategori pegawai yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual, yang terdiri daripada anggota yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual yang sama, ditubuhkan.

(2) Anggota Lembaga hendaklah terdiri daripada pegawai yang gred hakikinya lebih tinggi daripada gred pegawai yang akan dipertimbangkan oleh Lembaga itu.

#### **Bidang kuasa dan fungsi Lembaga**

4. Sesuatu Lembaga hendaklah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan fungsinya dalam perkara yang berhubungan dengan pemangku dan kenaikan pangkat semua kategori pegawai yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

#### **Mesyuarat Lembaga**

5. Bagi maksud menjalankan fungsi-fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 4, sesuatu Lembaga hendaklah bermesyuarat pada tarikh dan di tempat dan pada masa yang ditentukan oleh Pengerusi Lembaga itu.

**Kuorum bagi mesyuarat Lembaga**

6. (1) Kuorum bagi semua mesyuarat Lembaga yang mempunyai lebih daripada tiga orang anggota, hendaklah tiga termasuk Pengerusi.

(2) Sekiranya keanggotaan sesuatu Lembaga terdiri daripada tiga orang sahaja termasuk Pengerusi, semua anggota Lembaga itu hendaklah hadir.

**Pengundian**

7. Tertakluk kepada peraturan 9, semua perkara yang dibangkitkan dalam sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan oleh suatu undi majoriti dan sekiranya terdapat undi sama banyak dan Lembaga terdiri daripada anggota bilangan genap, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

**Rekod mesyuarat**

8. Prosiding dan keputusan yang diambil dalam sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah direkodkan dan disimpan dengan sempurnanya dalam jagaan yang sepatutnya oleh urus setia Lembaga yang berkenaan.

**Prinsip dan tatacara Lembaga**

9. (1) Pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini, sesuatu Lembaga hendaklah mematuhi prinsip dan tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini, atau mana-mana peraturan lain atau undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa.

(2) Lembaga boleh bagi maksud mempertimbangkan kenaikan pangkat mendapatkan apa-apa keterangan lain yang boleh membantunya dalam membuat keputusan.

(3) Bagi maksud peraturan ini, “peraturan lain” termasuklah Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan atau arahan lain yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

**Penggantian anggota Lembaga**

10. (1) Jika ternyata bahawa adalah tidak adil atau tidak wajar bagi mana-mana anggota suatu Lembaga untuk menghadiri mana-mana prosiding Lembaga itu, anggota itu hendaklah digantikan, bagi prosiding itu, oleh seorang pegawai yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Terengganu

(2) Anggota yang dilantik di bawah subperaturan (1) hendaklah merupakan pegawai yang gred hakikinya lebih tinggi daripada gred pegawai yang akan dipertimbangkan oleh Lembaga dalam suatu urusan tertentu.

**Lembaga tambahan**

11. (1) Setiausaha Kerajaan Terengganu hendaklah, dari semasa ke semasa, jika dianggapnya perlu, dengan memberi perhatian kepada proses yang terlibat, bilangan jawatan kenaikan pangkat, gred jawatan kenaikan pangkat, bilangan pegawai yang terlibat dan masa yang mungkin diambil berkenaan dengan suatu urusan tertentu, menuju Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu tambahan bagi kenaikan pangkat pegawai ke Gred 12 hingga Gred 42 atau yang setaraf dengannya yang terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik olehnya:

- (a) bagi kenaikan pangkat pegawai ke Gred 30 hingga Gred 42 –
  - (i) seorang Pengerusi, yang hendaklah merupakan seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi; dan
  - (ii) tiga orang anggota lain yang hendaklah terdiri daripada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, yang seorang daripadanya hendaklah merupakan pegawai yang sedang berkhidmat dalam jabatan berkenaan dan dua orang lagi wakil daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan, Terengganu;
- (b) bagi kenaikan pangkat pegawai ke Gred 20 hingga Gred 28 dan ke Gred 12 hingga Gred 18 –
  - (i) seorang Pengerusi, yang hendaklah merupakan seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan
  - (ii) dua orang anggota lain yang hendaklah terdiri daripada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang lebih rendah pangkatnya daripada Pengerusi, yang seorang daripadanya hendaklah merupakan pegawai yang sedang berkhidmat dalam jabatan berkenaan dan seorang lagi wakil daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

(2) Pegawai yang dilantik menjadi anggota Lembaga yang ditubuhkan di bawah peraturan ini hendaklah berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang akan dipertimbangkan oleh Lembaga itu dalam suatu urusan tertentu.

**Penapisan senarai calon**

12. Tertakluk kepada peraturan 9, sesuatu Lembaga boleh mengadakan penapisan senarai calon dalam mana-mana urusan kenaikan pangkat.

**Penubuhan panel temu duga**

13. (1) Pengerusi sesuatu Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, jika dianggapnya perlu, dengan memberi perhatian kepada bilangan jawatan kenaikan pangkat, gred jawatan kenaikan pangkat, bilangan pegawai yang terlibat, masa yang mungkin diambil berkenaan dengan sesuatu urusan kenaikan pangkat atau apa-apa sebab lain yang wajar yang difikirkannya sesuai, menuju suatu panel temu duga untuk membantu Lembaga.

(2) Suatu panel temu duga yang ditubuhkan di bawah subperaturan (1) hendaklah terdiri daripada –

- (a) seorang Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua orang anggota tetapi tidak lebih daripada empat orang anggota bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan
- (b) seorang Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua orang anggota tetapi tidak lebih daripada empat orang anggota bagi Kumpulan Sokongan.

(3) Anggota panel temu duga hendaklah terdiri daripada pegawai yang gred hakikinya lebih tinggi daripada gred pegawai yang akan ditemu duga itu.

(4) Tertakluk kepada peraturan 9, suatu panel temu duga hendaklah –

- (a) menemu duga pegawai bagi pemangku atau bagi kenaikan pangkat; dan
- (b) mengemukakan laporannya berkenaan dengan temu duga itu dan syornya, jika ada, kepada Lembaga yang berkenaan

### **Calon simpanan**

14. Sesuatu Lembaga boleh, menurut budi bicaranya –

- (a) jika perlu, mengadakan senarai calon simpanan;
- (b) meluluskan pemangku atau menaikkan pangkat pegawai yang disenaraikan dalam senarai calon simpanan sekiranya terdapat kekosongan jawatan hakiki dalam tempoh enam bulan dari tarikh mesyuarat Lembaga; dan
- (c) jika perlu, melanjutkan tempoh kesahan senarai calon simpanan bagi suatu tempoh tidak lebih daripada enam bulan lagi dari habis tempoh tarikh yang disebut dalam perenggan (b).

### **Kuasa Lembaga berhubung dengan pemangkuan**

15. (1) Tiada arahan pemangkuan boleh dikeluarkan tanpa kelulusan Lembaga.

(2) Tarikh kuat kuasa pemangkuan seseorang pegawai hendaklah pada tarikh yang ditentukan sesuai oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh menamatkan pemangkuan seseorang pegawai atas alasan tidak mencapai tahap prestasi yang ditetapkan, dikenakan hukuman tatatertib atau sebab munasabah yang lain.

(4) Lembaga boleh meluluskan pemangkuan melangkaui dua lapisan gred bukan tujuan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) kepada seseorang pegawai.

(5) Tertakluk kepada subperaturan (4), pegawai terlibat layak dibayar semua faedah atas jawatan yang dipangku.

**Kuasa Lembaga berhubung dengan kenaikan pangkat**

16. (1) Lembaga boleh menaikkan pangkat seseorang pegawai yang telah mematuhi kesemua syarat bagi kenaikan pangkat sebagaimana yang ditentukan dalam skim perkhidmatannya.

(2) Walau apa pun subperaturan (1) dan peraturan 38 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2014 [Tr. P.U. 4], Lembaga boleh tidak mengambilkira syor daripada Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan untuk menaikkan pangkat seseorang pegawai sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh menaikkan pangkat seseorang pegawai tanpa menjalani pemangkuhan.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), Lembaga boleh menghendaki seseorang pegawai supaya menjalani pemangkuhan sebelum dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

**Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat**

17. (1) Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat seseorang pegawai ialah tarikh yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Lembaga hendaklah menetapkan tarikh kuat kuasa bagi kenaikan pangkat seperti berikut:

- (a) bagi kenaikan pangkat ke gred, tarikh itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh kekosongan jawatan atau tarikh pegawai yang berkenaan layak dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatannya, mengikut mana-mana yang terkemudian, tetapi tarikh itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh kenaikan pangkat terakhir bagi gred yang sama dalam urusan sebelumnya; dan
- (b) bagi kenaikan pangkat ke jawatan, kecuali jika skim perkhidmatan tidak menyatakan bahawa sesuatu kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan, tarikh kenaikan pangkat itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh pegawai diluluskan untuk memangku jawatan itu atau pada tarikh kekosongan jawatan hakiki itu, mengikut mana-mana yang terkemudian.

**Keputusan Lembaga**

18. (1) Semua calon dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat atau pemangkuhan hendaklah diberitahu oleh Lembaga mengenai keputusannya.

(2) Tertakluk kepada peraturan 19, sesuatu keputusan Lembaga adalah muktamad.

### **Penarikan balik kenaikan pangkat**

19. (1) Sesuatu Lembaga tidak boleh menarik balik kenaikan pangkat seseorang pegawai melainkan jika terdapat kesilapan fakta yang dimaklumkan kepada Lembaga selepas keputusan kenaikan pangkat itu dibuat.

(2) Sebelum Lembaga menarik balik kenaikan pangkat di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah membuat penyiasatan untuk mengesahkan kebenaran kesilapan fakta itu dan Lembaga boleh menghendaki pegawai itu untuk memberikan penjelasan mengenai kesilapan fakta itu.

(3) Jika kesilapan fakta itu didapati benar, Lembaga boleh menarik balik kenaikan pangkat pegawai itu.

(4) Keputusan untuk menarik balik kenaikan pangkat itu hendaklah diberitahu dengan segera kepada pegawai itu melalui Ketua Jabatannya.

(5) Pegawai yang kenaikan pangkatnya telah ditarik balik di bawah subperaturan (3) boleh dipertimbangkan oleh Lembaga untuk memangku atas gred kenaikan pangkat tertakluk kepada kekosongan jawatan.

(6) Bagi maksud peraturan ini, “kesilapan fakta” ertiannya kesilapan maklumat yang berhubungan dengan perkhidmatan seseorang pegawai, yang pada hakikatnya pegawai itu tidak memenuhi atau masih belum memenuhi syarat yang sedang berkuat kuasa bagi melayakkannya dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat semasa pertimbangan kenaikan pangkat pegawai itu oleh Lembaga.

## **BAHAGIAN III**

### **LEMBAGA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI TERENGGANU**

#### **Penubuhan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu**

20. Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu, berkenaan dengan setiap kategori pegawai yang dinyatakan dalam ruang (2) jadual, yang terdiri daripada anggota yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual yang sama, ditubuhkan.

#### **Bidang kuasa dan fungsi Lembaga Rayuan**

21. (1) Sesuatu Lembaga Rayuan hendaklah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan fungsinya berkenaan dengan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut Peraturan-Peraturan ini terhadap apa-apa keputusan Lembaga yang berhubungan dengan seseorang pegawai dalam mana-mana perkhidmatan yang tersebut dalam peraturan 4 yang ke atasnya Lembaga itu mempunyai bidang kuasa.

(2) Pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini, Lembaga Rayuan hendaklah mematuhi prinsip dan tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini, atau mana-mana peraturan lain atau undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa.

(3) Bagi maksud Peraturan ini, “peraturan lain” termasuklah Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan atau arahan lain yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

### **Kuorum bagi mesyuarat Lembaga Rayuan**

22. Kuorum bagi semua mesyuarat Lembaga Rayuan hendaklah tiga orang termasuk Pengerusi.

### **Rayuan**

23. Mana-mana pegawai yang telah dipertimbangkan dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat atau pemangkuhan oleh Lembaga dan terkilan dengan keputusan Lembaga, boleh membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan yang berkenaan.

### **Tatacara bagi rayuan**

24. (1) Sesuatu rayuan kepada Lembaga Rayuan hendaklah dibuat secara bertulis melalui Pengerusi Lembaga yang berkenaan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan Lembaga itu diberitahu kepada pegawai yang berkenaan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), sesuatu Lembaga Rayuan boleh, mengikut budi bicaranya, membenarkan sesuatu rayuan yang lewat diterima dipertimbangkan.

(3) Apabila suatu rayuan diterima di bawah peraturan ini, Pengerusi Lembaga yang berkenaan atau semasa ketiadaannya, anggota yang diwakilkannya untuk berbuat demikian, hendaklah menyebabkan supaya disediakan rekod prosiding Lembaga dan pernyataan yang menyatakan alasan yang berdasarkannya Lembaga itu telah mencapai keputusannya.

(4) Rekod prosiding dan alasan keputusan yang dibuat di bawah subperaturan (3) hendaklah dihantar kepada Lembaga Rayuan yang berkenaan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh rayuan itu diterima oleh Lembaga itu.

### **Pendengaran rayuan**

25. (1) Apabila rekod dan alasan itu diterima, Pengerusi Lembaga Rayuan hendaklah memanggil suatu mesyuarat Lembaga Rayuan untuk menimbangkan rayuan itu.

(2) Sesuatu Lembaga Rayuan hendaklah memutuskan sesuatu rayuan berdasarkan merit alasan rayuan, rekod prosiding dan alasan keputusan Lembaga yang berkenaan.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), sesuatu Lembaga Rayuan boleh, bagi maksud menentukan rayuan itu dengan adil, meminta apa-apa penyataan daripada mana-mana pihak sebelum membuat apa-apa keputusan.

### **Keputusan Lembaga Rayuan**

26. (1) Sesuatu Lembaga Rayuan selepas menimbangkan rayuan itu boleh mengesahkan atau mengubah keputusan Lembaga yang berkenaan, atau meremitkan kes itu kepada Lembaga yang berkenaan untuk pertimbangan semula dan keputusan pertimbangannya hendaklah disampaikan dengan sewajarnya kepada Lembaga Rayuan untuk membolehkan Lembaga Rayuan mencapai suatu keputusan atas rayuan itu.

(2) Dalam melaksanakan keputusan sesuatu Lembaga Rayuan, Lembaga yang berkenaan boleh mengubah tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat dan susunan kekalan pegawai yang berkenaan tetapi pengubahan itu tidak boleh menjelaskan kenaikan pangkat pegawai lain yang berjaya dalam urusan yang sama itu kecuali dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam peraturan 19.

(3) Keputusan sesuatu Lembaga Rayuan adalah muktamad.

### **Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan**

27. (1) Kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri bagi maksud mengawal selia tatacaranya yang sedang berkuat kuasa hendaklah terpakai bagi Lembaga Rayuan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu, dan kaedah-kaedah itu hendaklah berkuat kuasa seoalah-olah ia menjadi sebahagian daripada Peraturan-Peraturan ini.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga Rayuan lain boleh, dengan apa-apa pengubahsuaian sebagaimana yang perlu, menerima pakai kaedah-kaedah yang sama bagi maksud mengawal selia tatacaranya.

### **Mesyuarat, pengundian dan minit berkenaan dengan Lembaga Rayuan**

28. Peruntukan Peraturan-Peraturan ini berhubung dengan mesyuarat, pengundian dan minit berkenaan dengan Lembaga hendaklah terpakai bagi Lembaga Rayuan dengan apa-apa pengubahsuaian sebagaimana yang perlu.

## **BAHAGIAN IV**

### **PELBAGAI**

#### **Pembatalan**

29. Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu 1995 [Tr. P.U.6] adalah dibatalkan.

**Kecualian dan peralihan**

30. (1) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyentuh kesahan dan kuat kuasa apa-apa keputusan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu 1995, dan keputusan itu hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya walau pun tidak selaras atau berlawanan dengan mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(2) Semua perkara atau prosiding belum selesai di hadapan mana-mana Lembaga atau Lembaga Rayuan sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diteruskan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu 1995 seolah-olah Peraturan-Peraturan itu tidak dibatalkan.

(3) Apa-apa rayuan terhadap keputusan sesuatu Lembaga yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu 1995, jika belum dikemukakan sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, hendaklah dibuat kepada Lembaga Rayuan yang berkaitan yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Apa-apa Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan atau arahan lain terdahulu daripada Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus berkuat kuasa selagi tidak selaras atau berlawanan dengan mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(5) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini boleh disifatkan menjelaskan atau mengambil apa-apa kuasa, keistimewaan atau perlindungan yang diberikan atau yang dipersetujui kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri atau mana-mana anggotanya di bawah Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 [*En. Tr. 7/1959*] atau Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1964 [*Tr. L.N.24*].

(6) Walau apa pun peruntukan Peraturan-Peraturan ini, jika tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan seseorang pegawai yang terlibat dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat diklasifikasikan semula di bawah mana-mana peraturan atau pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa pada masa itu selepas urusan kenaikan pangkat bermula, Lembaga atau Lembaga Rayuan yang memulakan urusan atau prosiding itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah meneruskan urusan atau prosiding itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga ia selesai dan tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai itu hendaklah diselaraskan mengikut klasifikasi baru itu.

**JADUAL**

**KEANGGOTAAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI TERENGGANU DAN LEMBAGA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI TERENGGANU**

[Peraturan 3 dan 20]

(1) No.	(2) Kategori Pegawai	(3) Lembaga Kenaikan Pangkat	(4) Lembaga Rayuan	
1.	Kenaikan pangkat ke Jawatan Utama 'C' atau jawatan setaraf	Setiausaha Kerajaan	Pengerusi	Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Pegawai Kewangan Negeri	Anggota	Anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Pengarah Tanah dan Galian	Anggota	Anggota-anggota
2.	Kenaikan pangkat ke Gred 44 dan ke atas atau gred setaraf	Setiausaha Kerajaan	Pengerusi	Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Pegawai Kewangan Negeri	Anggota	Anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Pengarah Tanah dan Galian	Anggota	Anggota-anggota
3.	Kenaikan pangkat ke Gred 30 hingga Gred 42 atau gred setaraf	Pegawai Kewangan Negeri	Pengerusi	Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Pengarah Tanah dan Galian	Anggota	Anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)	Anggota	Anggota-anggota
4.	Kenaikan pangkat ke Gred 20 hingga Gred 28 atau gred setaraf	Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)	Anggota	
		Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)	Pengerusi	Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)	Anggota	Anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dimana kekosongan jawatan berlaku atau seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan	Anggota	Anggota-anggota

No.	Kategori Pegawai	Lembaga Kenaikan Pangkat	(4) Lembaga Rayuan	
5.	Kenaikan pangkat ke Gred 12 hingga Gred 18 atau gred setaraf	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)	Pengerusi Perkhidmatan Negeri	Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)	Anggota	Anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
		Seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dimana kosongan jawatan berlaku atau seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan	Anggota	Anggota-anggota

Bertarikh 2 Jun 2020  
 [SUK.TR.(R)008/1/3]  
 [PUN.TR.26/2020/1]

ZULKIFLY BIN ISA  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu*

### **LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU (FIRST PART)**

### **TERENGGANU STATE PUBLIC SERVICES PROMOTION BOARD REGULATIONS 2020**

#### **ARRANGEMENT OF REGULATIONS**

#### PART I

#### PRELIMINARY

##### *Regulation*

1. Citation and commencement
2. Interpretation

#### PART II

#### TERENGGANU STATE PUBLIC SERVICES PROMOTION BOARDS

3. Establishment Terengganu State of Public Services Promotion Boards
4. Jurisdiction and functions of Board

*Regulation*

5. Meeting of Board
6. Quorum for meetings of Board
7. Voting
8. Record of meetings
9. Principles and procedures of Board
10. Replacement of members of Board
11. Additional Boards
12. Shortlisting of candidates
13. Establishment of interview panel
14. Reserved candidates
15. Power of a Board in relation to acting
16. Power of a Board in relation to promotion
17. Effective date of promotion
18. Decision of the Board
19. Withdrawal of promotion

**PART III****TERENGGANU STATE PUBLIC SERVICES PROMOTION APPEAL  
BOARDS**

20. Establishment Terengganu State of Public Services Promotion Appeal Boards
21. Jurisdiction and functions of Appeal Board
22. Quorum for meetings of Appeal Board
23. Appeal
24. Procedure for appeal
25. Hearing of appeal
26. Decision of Appeal Board
27. Rules of Appeal Board
28. Meetings, voting and minutes in respect of Appeal Boards

**PART IV****MISCELLANEOUS**

29. Revocation
30. Savings and transitional

**SCHEDULE**

**LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU  
(FIRST PART)**

**TERENGGANU STATE PUBLIC SERVICES PROMOTION  
BOARD REGULATIONS 2020**

IN exercise of the power conferred by Article LVI Clause (9A)(iii) of the Laws of The Constitution of Terengganu (First Part) the Ruler in Council hereby makes the following regulations:

**PART I**

**PRELIMINARY**

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Terengganu State Public Services Promotion Board Regulations 2020**.

(2) These Regulations shall come into operation on 1 June 2020.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires –

“post” means a permanent post in the public services of the State of Terengganu, which does not include –

- (a) the post of Terengganu State Secretary; and
- (b) the post of State Financial Officer;

“promotion” means the substantive upgrading from one grade to a higher grade within the same service and scheme of service of the officer concerned with the approval of the Board;

“Head of Department” means any officer who is heading a department as the case may be or any officer who is appointed by the Terengganu State Secretary from time to time;

“Head of Service” means the Terengganu State Secretary;

“Top Management Group” means an officer in the Premier Post or Special Grade;

“Managerial and Professional Group” means an officer in Grade 41 to Grade 54 or its equivalent grade;

“Support Group” means an officer in Grade 11 to Grade 40 or its equivalent grade;

“Board” means a Terengganu State Public Services Promotion Board established under regulation 3 and shall include the additional Promotion Board established under regulation 11;

“Appeal Board” means a Terengganu State Public Services Promotion Appeal Board established under regulation 20;

“officer” means a member of the Terengganu State Public Service;

“acting” in relation to a public officer, means performing the duties on full-time basis, of another post which is of higher grade than the officer’s substantive grade in the same service and scheme of service with the approval of the Board.

## PART II

### TERENGGANU STATE PUBLIC SERVICES PROMOTIONS BOARD

#### **Establishment Terengganu State of Public Services Promotions Board**

3. (1) Terengganu State Public Services Promotion Board, in respect of each of the categories of officers set out in column (2) of the Schedule, constituting the members specified in column (3) of the same Schedule, are established.

(2) The members of the Board shall consist of officers whose substantive grades are higher than the officer to be considered by that Board.

#### **Jurisdiction and functions of Board**

4. A Board shall have jurisdiction and shall exercise its functions in matters relating to the acting and promotion of all categories of officers as specified in column (2) of the Schedule.

#### **Meeting of Board**

5. For the purpose of exercising its functions as specified in regulation 4, a Board shall meet on such dates and at such places and times as the Chairman of the Board may determine.

#### **Quorum for meetings of Board**

6. (1) The quorum for all meetings of a Board which has more than three members, shall be three including the Chairman.

(2) Where the membership of a Board consist of only three persons including the chairman, all members of the Board shall be present.

**Voting**

7. Subject to regulation 9, all matters raised at a meeting of a Board shall be decided by a majority of votes and in the event of an equality of votes where the Board consist of an even number of members, the Chairman shall have a casting vote.

**Record of meetings**

8. The proceedings and decisions taken at a meeting of a Board shall be properly recorded and kept in proper custody by the secretariat of the Board concerned.

**Principles and procedures of Board**

9. (1) In exercising its functions under these Regulations, a Board shall abide by the principles and procedures set out in these Regulation, or any other regulations or written law of for the time being in force.

(2) A Board may for the purpose of considering a promotion call for other evidence that may assist the Board in making a decision.

(3) For the purpose of this regulation, “other regulations” include Service Circulars, Service Circular Letters or other instructions issued by the Director General of Public Service.

**Replacement of members of Board**

10. (1) Where it appears that it would be unjust or improper for any member of a Board to sit in any proceedings of that Board, such member shall be replaced, for that proceedings, by an officer appointed by the Terengganu State Secretary.

(2) The member so appointed under subregulation (1) shall be an officer whose substantive grade is higher than the officer to be considered by a Board in a particular exercise.

**Additional Boards**

11. (1) The Terengganu State Secretary shall, hendaklah, from time to time, if he considers it necessary, having regard to the process involved, the number of promotional posts, grade of promotional posts, the number of officers involved and the time which may be taken in respect of a particular exercise, establish additional Public Services Promotion Boards for promotion of officers to Grade 12 until Grade 42 or its equivalent grade consisting of the following members who shall be appointed by him:

(a) for promotion of officers to Grade 30 until Grade 42 –

(i) a Chairman, who shall be an officer in the Top Management Group; and

- (ii) three other members who shall be officers in the Managerial and Professional Group, one of whom shall be an officer serving in the Department concerned and two others being representatives of the Terengganu State Secretary Office;
  - (b) for promotion of officers to Grade 20 until Grade 28 and Grade 12 until Grade 18 –
    - (i) a Chairman, who shall be an officer in the Managerial and Professional Group; and
    - (ii) two other members who shall be officers in the Managerial and Professional Group, one of whom shall be an officer serving in the Department concerned being junior in rank than the Chairman and the other being a representative of the Terengganu State Secretary Office.
- (2) The officers appointed to be members of the Board established under this regulation shall be of a rank higher than that of the officer to be considered by the Board in a particular exercise.

### **Shortlisting of candidates**

12. Subject to regulation 9, a Board may shortlist candidates in any promotion exercise.

### **Establishment of interview panel**

13. (1) A Chairman of a Board may, from time to time, if he considers it necessary, having regard to the number of promotional posts, grades of promotional posts, the number of officers involved, the time which may be taken in respect of a promotion exercise or any other justifiable reason it thinks appropriate, establish an interview panel to assist the Board.

- (2) An interview panel established under subregulation (1) shall consist of –
- (a) a Chairman and at least two members but not more than four members for the Top Management Group and Managerial and Professional Group; and
  - (b) a Chairman and at least two members but not more than four members for the Support Group.

(3) The members of the interview panel shall consist of officers whose substantive grades are higher than the officer to be interviewed.

- (4) Subject to regulation 9, an interview panel shall –
- (a) interview officers for acting or for promotion; and
  - (b) submit its report in respect of the interview and its recommendations, if any, to the Board concerned.

**Reserved candidates**

14. A Board may, in its discretion –

- (a) if necessary, provide a list of reserved candidates;
- (b) approve acting by, or promote, the officers who are listed in the list of reserved candidates should there be available vacancies of substantive posts within a period of six months from the date of the meeting of the Board; and
- (c) if necessary, extend the validity period of the list of reserved candidates for period of not more than another six months from the expiry of the date mentioned in paragraph (b).

**Power of a Board in relation to acting**

15. (1) No directive for acting shall be issued without the approval of a Board.

(2) The effective date of acting of an officer shall be such date the Board determines as suitable.

(3) A Board may terminate the acting of an officer on the grounds of under performance, being imposed with disciplinary punishment or other reasonable causes.

(4) A Board may approve the acting beyond two ranks of grade not for the purpose of promotion Special To Holder (KUP) to an officer.

(5) Subject to subregulation (4), the officer concerned is entitled to be paid all benefits for the post acted.

**Power of a Board in relation to promotion**

16. (1) A Board may promote an officer who has complied with all the conditions for promotion as determined in his scheme of service.

(2) Notwithstanding subregulation (1) and regulation 38 of the Public Officers (Appointment, Promotion and Termination of Service) Regulations 2014 [Tr. P.U.4], a Board may not take into consideration the recommendation from the Head of Department or Head of Service to promote an officer as the Board considers appropriate.

(3) A Board may promote an officer without acting.

(4) Notwithstanding subregulation (3), a Board may require an officer to undergo acting before being considered for promotion as the Board considers appropriate.

**Effective date of promotion**

17. (1) The effective date of promotion of an officer is the date determined by a Board.

(2) For the purpose of subregulation (1), a Board shall specify an effective date for promotion as follows:

- (a) for promotion to a grade, the date shall not be earlier than the date of vacancy in a post or the date the officer concerned is eligible to be promoted according to his scheme of service, whichever is the later, but the date shall not be earlier than the last promotion date for the same grade in a previous exercise; and
- (b) for promotion to a post, except if the scheme of service does not stipulate that a promotion be subjected to a vacancy in a post, the date of promotion shall not be earlier than the date the officer is approved to act in the post or on the date the substantive post becomes vacant, whichever is the later.

**Decision of the Board**

18. (1) All candidates in a promotion or acting exercise shall be notified by the Board of its decision.

(2) Subject to regulation 19, the decision of a Board is final.

**Withdrawal of promotion**

19. (1) A Board shall not withdraw a promotion of an officer unless a mistake of fact is made known to the Board after the decision of the promotion of the officer has been made.

(2) Before the Board withdraws the promotion under subregulation (1), the Board shall make an investigation to verify the truth of the mistake of fact and the Board may require the officer to give an explanation on such mistake of fact.

(3) If the mistake of fact is found to be true, the Board may withdraw the promotion of the officer.

(4) The decision to withdraw the promotion shall be immediately informed to the officer through his Head of Department.

(5) The officer whose promotion has been withdrawn under subregulation (3) may be considered by the Board for acting on promotion grade subject to vacancy of posts.

(6) For the purpose of this regulation, “mistake of fact” means an information error of information relating to the service of an officer, where in actual fact the officer does not fulfill or has not yet fulfilled conditions is in force for him to be eligible to be considered for promotion during the consideration of promotion by the Board for that officer.

**PART III****TERENGGANU STATE PUBLIC SERVICES PROMOTION APPEAL  
BOARDS****Establishment Terengganu State of Public Services Promotion Appeal Boards**

20. Terengganu State of Public Services Promotion Appeal Boards, in respect of each of the categories of officers set out in column (2) of the Schedule, constituting the members specified in column (4) of the same Schedule, are established.

**Jurisdiction and functions of Appeal Board**

21. (1) An Appeal Board shall have jurisdiction and shall exercise its functions in respect of any appeal made in accordance with these Regulations against any decision of a Board relating to an officer in any of the services mentioned in regulation 4 over whom that Board has jurisdiction.

(2) In exercising its function under these Regulations, an Appeal Board shall abide by the principles and procedures set out in these Regulation, or any other regulations or written law for the time being in force.

(3) For the purpose of this regulation, “other regulations” include Service Circulars, Service Circular Letters or other instructions issued by the Director General of Public Service.

**Quorum for meetings of Appeal Board**

22. The quorum for all meetings of an Appeal Board shall be three including the Chairman.

**Appeal**

23. Any officer who has been considered in a promotion or an acting exercise by a Board and is aggrieved by the decision of the Board, may appeal to the Appeal Board concerned.

**Procedure for appeal**

24. (1) An appeal to the Appeal Board shall be made in writing through the Chairman of the Board concerned within thirty days from the date on which the decision of the Board is notified to the officer concerned.

(2) Notwithstanding subregulation (1), an Appeal Board may, in its discretion, allow a late appeal to be considered.

(3) On receipt of an appeal under this regulation, the Chairman of the Board concerned or during his absence, the member delegated by him so to do, shall cause to be prepared records of proceedings of the Board and the statement setting out the grounds on which the Board arrived at its decision.

(4) The records of proceedings and grounds of decision under subregulation (3) shall be sent to the relevant Appeal Board within a period of thirty days from the date of receipt of the appeal by the Board.

### **Hearing of appeal**

25. (1) Upon receipt of the records and the grounds, the Chairman of the Appeal Board shall convene a meeting of the Appeal Board to consider the appeal.

(2) An Appeal Board shall decide an appeal on the merits of the grounds of the appeal, records of proceedings and the grounds of decision of the Board concerned.

(3) Notwithstanding subregulation (2), an Appeal Board may, for the purpose of determining the appeal as may be just, call for any statement from any party before making any decision.

### **Decision of Appeal Board**

26. (1) An Appeal Board after considering the appeal may confirm or vary the decision of the Board concerned, or may remit the case to the Board concerned for reconsideration and the result of its consideration shall be duly conveyed to the Appeal Board to enable it to come to a decision on the appeal.

(2) In implementing the decision of an Appeal Board, the Board concerned may alter the effective date of promotion and the order of seniority of the officer concerned but such alteration shall not affect the promotion of other successful officers in the same exercise except in the circumstances specified in regulation 19.

(3) The decision of an Appeal Board shall be final.

### **Rules of Appeal Board**

27. (1) The rules made by the State Services Commission for the purpose of regulating its procedure for the time being in force shall apply to the Appeal Board which is chaired by the Chairman of the State Services Commission with such modification as may be necessary, and such rules shall have effect as if they form part of these Regulations.

(2) Notwithstanding subregulation (1), other Appeal Boards may, with such modifications as may be necessary, adopt the same rules for the purpose of regulating their procedure.

**Meetings, voting and minutes in respect of Appeal Boards**

28. The provisions of these Regulation in relation to meetings, voting and minutes in respect of the Boards shall apply to the Appeal Boards, with such modifications as may be necessary.

**PART IV**  
**MISCELLANEOUS**

**Revocation**

29. The Terengganu State of Public Services Promotion Board Regulations 1995 [*Tr. P.U.6*], are revoked.

**Savings and transitional**

30. (1) Nothing in these Regulations shall affect the validity and operation of any decision made in respect of any matter under the Terengganu State of Public Services Promotion Board Regulations 1995, and such decision shall continue to have full force and effect notwithstanding anything inconsistent with or contrary to any provision of these Regulations.

(2) All matters or pending proceedings before any Board or Appeal Board before the commencement of these Regulations shall continue under the Terengganu State of Public Services Promotion Board Regulations 1995 as if they had not been revoked.

(3) Any appeal against the decision of a Board made under the Terengganu State of Public Services Promotion Board Regulations 1995, if not lodged before the commencement of these Regulations, shall be made to the relevant Appeal Board established under these Regulations.

(4) Any Service Circulars, Service Circular Letters or other instructions precedent to these Regulations shall continue to be in force so long as it is not inconsistent or contrary with any provision of these Regulations.

(5) Nothing in these Regulations shall be deemed to affect or take away any of the powers, privileges or protection conferred upon or accorded to the State Service Commission or any of its members under the State Service Commission Enactment, 1959 [*Tr.En. 7/1959*] or the State Service Commission Rules, 1964 [*Tr.L.N.24*].

(6) Notwithstanding the provisions of these Regulations, where the salary scale and the conditions of service of an officer involved in a promotion exercise is reclassified under any service regulations or circulars in force for the time being after the promotion exercise has begun, the Board or the Appeal Board which initiated the exercise or proceedings, as the case may be, shall continue with the exercise or proceedings, as the case may be, to its conclusion and the salary scale and conditions of service of the officer shall be adjusted in accordance with the new classification.

## SCHEDULE

**MEMBERSHIP OF THE TERENGGANU STATE OF PUBLIC SERVICES PROMOTION  
BOARDS AND TERENGGANU STATE PUBLIC SERVICES PROMOTION APPEAL BOARDS  
NEGERI TERENGGANU**

**[Regulations 3 and 20]**

(1)	(2)	(3)	(4)	
No.	Category of Officer	Promotion Board	Appeal Board	
1.	Promotion to a post (to Premier post 'C' or equivalent post)	State Secretary	Chairman	Chairman of the State Services Commission
		State Financial Officer	Member	Members of the State Services Commission
		State Director of Land and Mines	Member	
2.	Promotion to Grade 44 and above or equivalent grade	State Secretary	Chairman	Chairman of the State Services Commission
		State Financial Officer	Member	Members of the State Services Commission
		State Director of Land and Mines	Member	
3.	Promotion to Grade 30 until Grade 42 and above or equivalent grade	State Financial Officer	Chairman	Chairman of the State Services Commission
		State Director of Land and Mines	Member	Members of the State Services Commission
		Deputy State Secretary (Management)	Member	
4.	Promotion to Grade 20 until Grade 28 or equivalent grade	Division Secretary (Management of Human Resource)	Member	
		Deputy State Secretary (Management)	Chairman	Chairman of the State Services Commission
		Division Secretary (Management of Human Resource)	Member	Members of the State Services Commission
		One officer in the Managerial and Professional Group where the vacancy occurs or an officer in the Managerial and Professional Group nominated by the State Secretary	Member	

(1) No.	(2) Category of Officer	(3) Promotion Board	(4) Appeal Board	
5.	Promotion to Grade 12 until Grade 18 or equivalent grade	Division Secretary (Management of Human Resource)	Chairman	Chairman of the State Services Commission
		Right Assistant State Secretary (Counseling, performance and Inovation))	Member	Members of the State Services Commission
		One officer in the Managerial and Professional Group where the vacancy occurs or an officer in the Managerial and Professional Group nominated by the State Secretary	Member	Members

Dated 2 June 2020  
 [SUK.TR.(R)008/1/3]  
 [PUN.TR.26/2020/1]

ZULKIFLY BIN ISA  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*of Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
 CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA